

# Penyelidikan UMS bantu penyelidikan negara

UB 27/2/2011 / 14

KOTA KINABALU: Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Dr Rosnah Ismail menyeru setiap sekolah, institusi dan pusat kecemerlangan di universiti itu agar memperkukuh keupayaan penyelidikan masing-masing bagi memenuhi keperluan penyelidikan negara.

Beliau berkata, langkah ini juga membolehkan mereka memenuhi keperluan beberapa pihak termasuk industri, kementerian dan badan kerajaan yang lain.

Tambahnya, usaha yang boleh dilakukan adalah dengan menjadikan penyelidikan ini sebagai platform dalam bidang tertentu melalui pengemblengan kepakaran oleh pelbagai institusi dari dalam dan luar negara.

“Selain membolehkan penyelidik mendapatkan dana penyelidikan secara kompetitif, kita juga boleh mengeluarkan hasil penyelidikan yang dapat memberi nilai kepada pembangunan ilmu dan ekonomi negara,” katanya sambil menambah sepanjang 2010, pelbagai

cabaran perlu dihadapi.

Bagaimanapun, beliau berbangga kerana sokongan dan dedikasi kakitangan Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPI) universiti itu telah membolehkan kerjasama penyelidikan dilaksanakan dengan jayanya.

Rosnah juga berharap PPI akan terus mempertingkatkan usaha serta komitmen yang menjadi asas kepada kejayaan sesebuah organisasi.

Berucap pada Malam Penghargaan Penyelidikan UMS 2010, di sini, pada Jumaat, beliau memuji pencapaian penyelidik universiti itu dan UMS sendiri telah merangkul pelbagai anugerah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Beliau juga mengucapkan tahniah kepada penyelidik yang merangkul anugerah dan insentif dalam beberapa kategori yang dipertandingkan.

“Bagi mereka yang kurang berjaya, cuba lagi pada masa hadapan. Apa yang penting adalah semangat untuk terus menjalankan penyelidikan dan menghasilkan produk yang berkualiti serta cemerlang,” katanya.